

Tampil ke hadapan jika ada bukti istana campur tangan

Yb

KUALA LUMPUR 10 Feb. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini meminta pihak-pihak yang mempunyai bukti tentang campur tangan istana dalam pemberian tender atau kontrak kerajaan negeri Terengganu supaya tampil ke hadapan untuk mengemukakan bukti-bukti tersebut.

Perdana Menteri berkata, setakat ini beliau belum pasti terdapat campur tangan istana berhubung dengan pembenan tender atau kontrak di negeri itu.

"Kita sudah mendengar penjelasan-penjelasan yang diberi oleh mereka yang terlibat dan kini kita mahu tahu sama ada sahah atau tidak penjelasan itu," katanya kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini.

Perdana Menteri menyatakan demikian semasa mengulas dakwaan Persatuan Pemborong Bumiputera Malaysia cawangan Terengganu yang menyebut kerajaan negeri mengutamakan kontraktor ter-

Oleh
Badrul Azhar Rahman

tentu dalam pemberian kerja. Persatuan itu dalam memorandumnya yang dihantar kepada Perdana Menteri dan timbalannya yang disiarkan oleh akhbar-akhbar tempatan baru-baru ini mendakwa Syarikat Terukon Sdn. Bhd. mendapat kerja lebih \$106 juta secara runding terus.

Akhbar

Bagaimanapun, kata Dr. Mahathir, Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad telah menjelaskan bahawa tidak ada tekanan seperti yang didakwa daripada pihak istana.

"Kalau ada bukti tekanan itu, sila kemukakan kerana adalah sukar untuk mempertimbangkan tuduhan yang dibuat secara umum," tambahnya.

Ditanya tentang memoran-

dum yang disampaikan oleh persatuan tersebut, beliau menjawab: "Saya belum lagi dapat membacanya dan cuma mengetahui melalui akhbar-akhbar."

Berhubung dengan mesyuarat khas yang dipengerusikan oleh Naib Presiden UMNO, Dato' Sri Anwar Ibrahim dengan para Menteri Besar di Kuala Lumpur pagi tadi, Perdana Menteri menjelaskan, memang soal campur tangan istana ada dibincangkan pada mesyuarat itu.

"Kita ada membincangkan soal itu secara umum sebagai lanjutan daripada rumusan yang dicapai di perhimpunan agung UMNO pada tahun lalu," tambahnya.

Ditanya apakah keputusan mesyuarat itu, beliau berkata,

perbincangan masih belum selesai kerana MT belum menetapkan bentuk-bentuknya lagi.

Menyentuh masalah gangguan kerajaan negeri Kelantan ke atas projek hidro elektrik Pergau di Jeli, beliau berkata, MT tidak membangkitkan perkara itu dalam mesyuarat malam ini.

Tindakan

"Terpulanglah kepada Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Sri S. Samy Vellu untuk mengambil tindakan berhubung dengan perkara itu," tambahnya.

Menurut Perdana Menteri, mesyuarat MT malam ini turut membincangkan soal politik dan ekonomi dalam negara pada masa ini.

Beliau juga berkesempatan memberi penjelasan tentang hasil Sidang Kemuncak ASEAN di Singapura baru-baru ini kepada MT.